

## Harga RON95, RON97 naik dua sen

**KUALA LUMPUR** - Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak dua sen kepada RM2.36 seliter, manakala RON95 naik dua sen kepada RM2.06 seliter.

Sementara itu, harga diesel naik enam sen kepada RM2.14 berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 21 Februari ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, berdasarkan peningkatan di bawah formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya RM2.06 dan RM2.14 seliter.

"Ini menunjukkan kena-


ikan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.04 seliter dan diesel yang berada pada paras RM2.08 seliter.

"Tetapi masih di bawah had harga yang ditetapkan iaitu RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel," menurut ke-

nyataan itu. Menurut Kementerian Kewangan lagi, harga runcit bagi kedua-dua produk tersebut dinaikkan selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petrolem dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat. - *Bernama*

## HARGA PETROL MINGGUAN

15 FEB - 21 FEB 2020



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Infografik Bernama